

# Seramai 14 pelajar UMS sertai program di Australia

Pupuk sifat kepimpinan dan kualiti diri, timba ilmu psikologi kanak-kanak dan keluarga

UB 19.07.2023 P.06

**KOTA KINABALU:** Seramai 14 pelajar Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) menyertai program Hubungan Sosial dan Peningkatan Ilmu Antarabangsa (IRP) ke Melbourne, Australia anjuran Kelab Psikologi Kanak-Kanak dan Keluarga (CFC) UMS, bermula 28 Mei 2023 hingga 2 Jun lepas.

Objektif utama program tersebut adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar mengenai budaya dan cara hidup masyarakat di luar negara.

Selain itu, ia bagi memberi pendedahan kepada peserta berkaitan bidang psikologi kanak-kanak dan keluarga dengan membuat lawatan ke pusat pusat dan universiti terpilih.

Ketua Program Psikologi Kanak-Kanak dan Keluarga UMS, Dr. Nur Farhana Ardillah Aftar, berkata sepanjang penubuhan CFC pada tahun 2009, ia menumpukan kepada program sosial, akademik, kepimpinan, dan latihan sendiri, operasi khidmat masyarakat, motivasi, akademik, dan kerjaya ahlinya.

"Setiap tahun CFC akan mengembara ke luar negara untuk meneroka dan meraih ilmu yang baharu di samping menimba pengalaman berharga sebagai proses pembelajaran sepanjang hayat yang tidak boleh diperolehi melalui Australia untuk dilawati kerana kemajuan dan ketamadunan negara tersebut. Antara tempat yang dilawati ialah Universiti of Melbourne, Victorian Deaf Society, La Trobe University Community Centre, La Trobe University, Victorian College for the Deaf dan Autism



**LAWATAN:** Peserta IRP melawat University of Melbourne.

Partnership Melbourne," katanya.

Sementara itu, Dekan FPP UMS, Profesor Dr. Murnizam Hj. Halik berkata pihaknya percaya bahawa penganjuran program semuama itu dapat memberi penganjuran sesuatu program.

"Matlamat utama program ini adalah untuk melengkapkan pelajar dengan pengetahuan dan pengalaman yang diperlukan untuk mengemudi medan yang kompleks dan mencabar di kemudian hari.

"Program seumpama ini bukan sahaja telah meluaskan pengetahuan pelajar tentang dunia luar, namun dapat memupuk dan menjana kualiti serta nilai dalam diri pelajar yang lebih beridealisme, proaktif, dan "Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua individu yang telah bertungkus lumus untuk menayakan program ini.

"Daripada penganjuran jawatankuasa, penaja dan setiap seorang daripada anda telah memainkan peranan

penting dalam menayakan program ini," katanya.

Terdahulu, Pengarah Program IRP, Deepashne Chandran berkata Pelajar mestilah terus menghayati semangat inovasi dan kebolehsuaian semasa "Pengalaman daripada program ini telah melengkapkan pelajar dengan kemahiran yang diperlukan untuk menghadapi cabaran masa depan dengan penuh yakin.

"Diharapkan program beraras tinggi seperti ini dapat menjadi agenda tahunan hingga akhirnya, men-



**TERIMA KASIH:** Nur Farhana Ardillah menyampaikan cenderahati kepada Carolyn Jones (Clinical Manager) di La Trobe University Children's Centre.



**KENANGAN:** Peserta IRP di hadapan bangunan Victorian College for the Deaf bersama Ketua Guru, Marnie Kerridge.

jadi buaian ramai atas dasar keberhasilan pelajar, selari dengan 'Sustainable Development Goals (SDG)' yang keempat iaitu pendidikan

berkualiti yang berjaya mencapai jalinan antarabangsa," ujarnya.

Turut menyertai program tersebut, pensyarah

program Psikologi Kanak-Kanak dan Keluarga yang juga merupakan penasihat program IRP 2022/2023, Noorma Razali.